

Raja Permaisuri Agong dilantik semula Ketua Perlembagaan UIAM

25 Januari 2024 11:51am **Masa membaca: 4 minit**



Tunku Azizah

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dilantik semula sebagai Ketua Perlembagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa 31 Januari ini.

Pelantikan semula Tunku Azizah telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ini merupakan penggal kedua baginda menjawat jawatan berkenaan, selepas dilantik bagi penggal pertama pada 2019.

"Warga UIAM amat bersyukur dan berbangga dengan keputusan pelantikan semula Tunku Azizah sebagai Ketua Perlembagaan UIAM untuk penggal kedua.

"Seluruh warga UIAM amat berbesar hati dan gembira dengan pelantikan semula Tunku Azizah kerana sikap penyayang dan prihatin Tunku yang mendalam kepada

segenap warga berbilang bangsa di UIAM ini," kata Rektor UIAM, Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dzulkifli berkata, pelantikan semula Tunku Azizah membolehkan UIAM mencapai pelbagai pengiktirafan peringkat antarabangsa khususnya dalam memaknai peranan sebuah institusi Islam yang berwibawa merentasi 40 tahun penubuhan UIAM.

Beliau berkata, seluruh warga UIAM akan terus memajukan perancangan disediakan di bawah naungan Tunku Azizah dengan memanfaatkan pengalaman serta kecenderungan Seri Paduka tentang dunia ilmiah yang beretika dalam menegakkan kebenaran berteraskan ilmu dan amanah.

"Dengan pelantikan semula ini, Tunku Azizah yang akan bersemayam di Istana Pahang dalam meneruskan legasi Almarhum Paduka Ayahanda untuk membolehkan UIAM meneroka lebih luas lagi peranannya sesuai dengan Rahmatan lil 'alamin selari dengan slogan UIAM Leading The Way, Leading The World," katanya. - Bernama